

31 JAN 1999

Zaharah-Sabah

ZAHARAH YAKIN BN KEMBALI TERAJUI KERAJAAN DI SABAH

ALOR GAJAH, 31 Jan (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yakin Barisan Nasional (BN) akan kembali menerajui kepimpinan kerajaan Sabah pada pilihan raya negeri itu yang akan datang.

"Kita berkeyakinan penuh namun semua pihak perlu bekerja keras bagi mendapatkan keyakinan rakyat", katanya kepada pemberita selepas menghadiri malam Aidilfitri serta majlis meraikan perlintikannya sebagai Menteri di Jabatan Menteri anjuran Wanita Umno Melaka, di sini, malam tadi.

Siti Zaharah yang menyertai lawatan kerja Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Abdullah Ahmad Badawi ke negeri itu yang berakhir semalam berkata sambutan terhadap BN adalah baik dan kerjasama daripada semua parti komponen adalah utuh.

Berdasarkan pertemuan serta dialog yang diadakan, ternyata rakyat Sabah cenderung untuk menghadapi pilihan raya negeri itu, katanya.

Menurutnya Wanita Umno telah menggerakkan jentera pilihan raya dengan menyelaraskannya dengan jawatankuasa yang ditubuhkan khas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Wanita Umno akan memesatkan lagi tugas dan persiapan menghadapi pilihan raya bagi memastikan wanita bersedia dan memberi tumpuan kepada tugas mereka, katanya.

Beliau yakin rakyat Sabah mahu meneruskan kemajuan dan manfaat yang diterima sejak BN menerajui kembali pucuk pimpinannya kira-kira lima tahun lepas.

"Banyak kemajuan dilaksanakan dan dinikmati rakyat Sabah", katanya.

Turut hadir di majlis meraikan beliau ialah Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan Ketua Wanita Umno Melaka Ramlah Abas.

--BERNAMA

NO LAT